



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1989

**PINJAMAN PEGAWAI KERAJAAN KE PERTUBUHAN
ANTARABANGSA**

1. Tujuan

1.1. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk menetapkan prosedur bagi mengendalikan penempatan pegawai-pegawai kerajaan secara pinjaman ke pertubuhan antarabangsa di mana Kerajaan menjadi anggota atau mempunyai kepentingan.

2. Latar Belakang

2.1 Kerajaan ada meminjamkan pegawai-pegawai untuk berkhidmat di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa tetapi setakat ini tiada prosedur yang seragam bagi menguruskan peminjaman itu dan akibatnya berbagai cara telah diamalkan dan telah menimbulkan beberapa masalah. Maka dengan ini perlulah diwujudkan satu prosedur yang seragam mengenainya supaya pencalonan pegawai-pegawai untuk dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa dilaksanakan dengan adil, teratur dan berkesan.

3. Tanggungjawab Mengenalpasti Keperluan Pegawai Dipinjamkan ke Pertubuhan Antarabangsa

3.1 Pelawaan kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk berkhidmat di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan diedarkan ke Kementerian/Jabatan dari semasa ke semasa oleh:

- (a) Kementerian Luar Negeri;
- (b) Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (c) Kementerian/Jabatan yang ada hubungan dengan pertubuhan antarabangsa.

3.2 Kementerian/Jabatan di atas sebelum mengedarkan pelawaan itu hendaklah mengambilkira akan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) kedudukan pertubuhan antarabangsa dalam memberi faedah kepada negara;
- (b) kesesuaian dan kebolehan pegawai yang dicalonkan untuk mewakili kepentingan negara;

- (c) tanggungan kewangan yang disumbangkan oleh kerajaan; dan
- (d) syarat-syarat tawaran daripada pertubuhan antarabangsa seperti tempoh perkhidmatan, gaji, elaun dan kemudahan, perbelanjaan-perbelanjaan yang terlibat dan juga hak-hak pencen pegawai.

4. Prosedur

4.1 Bagi memastikan urusan pinjaman pegawai-pegawai ke pertubuhan antarabangsa dikendalikan dengan adil, teratur dan berkesan, maka kerajaan telah menetapkan prosedur seperti dijelaskan di bawah:

- (a) pencalonan bagi pegawai-pegawai Kumpulan Gaji A, Tingkatan Kanan dan ke atas yang dilantik oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Pencalonan itu akan dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan. Jika dipersetujui, akan dikemukakan untuk pertimbangan Y.A.B. Perdana Menteri melalui Ketua Setiausaha Negara;
- (b) pencalonan bagi pegawai-pegawai Kumpulan Gaji A, Tingkatan Biasa, yang dilantik oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Jika dipersetujui, akan dikemukakan untuk pertimbangan Y.A.B. Perdana Menteri melalui Ketua Setiausaha Negara;
- (c) pencalonan bagi pegawai-pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan yang bukan dalam Kumpulan Gaji A dan juga pegawai yang bukan dilantik oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat masing-masing. Jika dipersetujui, akan dikemukakan untuk pertimbangan Y.A.B. Perdana Menteri melalui Ketua Setiausaha Negara;
- (d) setelah pencalonan itu diluluskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, keputusan itu akan disampaikan kepada Kementerian pegawai itu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu bagi pegawai dalam Kumpulan Gaji A yang dilantik oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan. Manakala pegawai yang lain akan dikemukakan terus kepada Kementerian pegawai itu;
- (e) Jabatan Perkhidmatan Awam atau Kementerian berkenaan akan menyampaikan keputusan dan maklumat perkhidmatan lengkap pegawai yang akan dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa berkenaan kepada Kementerian Luar Negeri;
- (f) Kementerian Luar Negeri akan menghubungi pertubuhan antarabangsa berkenaan untuk menguruskan perlantikan pinjaman pegawai berkenaan. Seterusnya Kementerian Luar Negeri akan menyampaikan persetujuan beserta dengan surat tawaran perlantikan secara pinjaman oleh pertubuhan antarabangsa berkenaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau kementerian berkenaan untuk disampaikan kepada pegawai yang dicalonkan itu;
- (g) Kementerian bagi pegawai berkenaan akan memaklumkan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam tarikh pegawai itu melaporkan diri di pertubuhan antarabangsa berkenaan beserta dengan salinan surat tawaran perlantikan secara pinjaman dan syarat-syarat pinjaman yang dipersetujui;

- (h) jawatan tambahsentara yang setanding dengan jawatan hakiki pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa hendaklah diwujudkan bagi menampung hak-hak pencen pegawai berkenaan. Kementerian berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mewujudkan jawatan tambahsentara itu; dan
- (i) sewaktu memperakukan pencalonan pegawai yang akan dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa kepada Y.A.B. Perdana Menteri, sama ada melalui Jabatan Perkhidmatan Awam atau tidak, hendaklah dikembarkan bersama-sama maklumat perkhidmatan pegawai berkenaan iaitu seperti berikut:
- (i) biodata pegawai berkenaan yang mengandungi butiran data seperti disenaraikan di Lampiran "A".
 - (ii) laporan nilai prestasi khas;
 - (iii) salinan kenyataan perkhidmatan yang kemaskini;
 - (iv) persetujuan Lembaga Kenaikan Pangkat atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
 - (v) pelawaan daripada pertubuhan antarabangsa berkenaan; dan
 - (vi) cadangan syarat-syarat pinjaman ke pertubuhan antarabangsa berkenaan.

5. Tarikh Kuatkuasa

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa daripada tarikh ianya dikeluarkan.

6. Pemakaian

6.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meliputi semua urusan pinjaman pegawai kerajaan ke pertubuhan antarabangsa termasuk pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 24 Januari 1989.

Edaran:

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan,
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri,
Ketua Pengurusan Penguasa-penguasa Tempatan.

**BIODATA PEGAWAI YANG DICALONKAN UNTUK
DIPINJAMKAN KE PERTUBUHAN ANTARABANGSA**

1. Nama:		
2. No. K/P:	3. T. Lahir:	4. Tf. Kahwin:
5. Skim Perkhidmatan:		
6. T. Lantik:	7. T. Disahkan/Naik Pangkat:	
8. Kelayakan:		
8.1 Peringkat	Subjek	Tahun
8.2 Peringkat	Subjek	Tahun
8.3 Peringkat	Subjek	Tahun
(Sila sediakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)		
9. Pengalaman:		
9.1 Jawatan	Dari	Hingga
9.2 Jawatan	Dari	Hingga
9.3 Jawatan	Dari	Hingga
9.4 Jawatan	Dari	Hingga
9.5 Jawatan	Dari	Hingga
9.6 Jawatan	Dari	Hingga
9.7 Jawatan	Dari	Hingga
(Sila sediakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)		
10. Sumbangan:		
10.1		
10.2		
10.3		
(Sila sediakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)		

Petunjuk:

No. K/P = Nombor Kad Pengenalan

T = Tarikh

Tf = Taraf

T. Lantik = Tarikh dilantik ke skim perkhidmatan sekarang.